

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memperincikan keadaan semasa pendidikan rendah dan menengah negara masa kini termasuklah usaha memenuhi keperluan silibus, pengukuran pencapaian akademik dan aktiviti kokurikulum.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pandemik COVID-19 memberi kesan yang cukup mendalam kepada seluruh rakyat. Khusus bagi sektor pendidikan, sekolah terpaksa ditutup dan menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan PdP terus dilaksanakan agar semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran dalam keadaan selamat. KPM melaksanakan beberapa pendekatan dalam memenuhi keperluan silibus, pengukuran pencapaian akademik dan aktiviti kokurikulum mengikut kesesuaian.

Dalam tempoh sekolah ditutup, KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid. Oleh itu, KPM telah menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pendekatan secara dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) dan *off-site* sama ada menggunakan modul pembelajaran atau pembelajaran berdasarkan projek.

KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran. Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid mengikut kesesuaian. Murid juga boleh menggunakan buku teks cetak sebagai bahan rujukan, penyediaan nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep. Manakala buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Selain daripada itu, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. KPM telah memperkenalkan semula TV Pendidikan secara terestrial bermula pada 6 April 2020. Inisiatif ini adalah untuk membantu

murid yang tidak mendapat akses kepada internet atau tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran di rumah. Keseluruhan siaran TV Pendidikan berjumlah sembilan (9) jam sehari, iaitu dua (2) jam di TV Okey RTM, empat (4) jam di Tutor TV Astro dan tiga (3) jam di saluran NTV7.

Bagi murid yang mengikuti PdP di rumah dan mempunyai peranti serta akses internet pula, KPM menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian melalui platform seperti berikut:

- a) Pelantar pembelajaran digital, iaitu Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMA). Melalui pelantar ini, murid dan guru boleh akses kepada aplikasi seperti Google Classroom dan Google Meet, Microsoft 365, Apple Teacher Learning Centre, buku teks digital, video PdP dan kuiz;
- b) Koleksi video pendidikan melalui pelantar EduwebTV dan CikgoTube bagi perkongsian koleksi video daya usaha kreativiti guru untuk PdP; dan
- c) Program dan aktiviti seperti kelas digital (e-class) untuk murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk memastikan murid terus mendapat pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk kelangsungan pembelajaran, KPM telah melaksanakan penjajaran kurikulum untuk semua mata pelajaran berdasarkan kurikulum sedia ada kecuali untuk murid tingkatan lima. Penjajaran ini melibatkan penyusunan semula kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Melalui penjajaran kurikulum ini, guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*). Pembelajaran teradun melibatkan gabungan teknik pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah atau pembelajaran di rumah yang dirancang secara berstruktur. Bagi pentaksiran murid, kaedah pentaksiran telah diselaraskan semula agar bersesuaian dengan keadaan PdP semasa. Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) tahun 2020 telah dibatalkan dan murid akan

dinilai dengan kaedah penilaian berdasarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang juga merupakan sebahagian daripada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Bagi aktiviti sukan dan kokurikulum pula, KPM telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan semua aktiviti sukan dan kokurikulum yang melibatkan murid dan guru secara bersemuka. Program/aktiviti hanya dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan platform yang bersesuaian bagi membolehkan interaksi dua hala di antara guru dan murid.

KPM juga telah menjadualkan semula tarikh peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Dengan pindaan tarikh peperiksaan awam ini, calon akan mempunyai masa yang lebih panjang untuk membuat persediaan rapi bagi menghadapi peperiksaan. Selain daripada itu, ianya juga memberi lebih masa kepada mereka untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka apabila sekolah dibuka semula pada 20 Januari 2021.

Sekian, terima kasih.